

NO. SOALAN: 38

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KETIGA BELAS
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' SERI ABDUL HADI BIN AWANG
[MARANG]**

TARIKH : 20 MEI 2015 (RABU)

SOALAN :

Dato' Seri Abdul Hadi bin Awang [Marang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bagaimanakah penguatkuasaan garis panduan terbaru Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) berhubung seni persembahan hiburan/konsert yang diharuskan oleh syariah.

JAWAPAN: (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Garis Panduan Hiburan Dalam Islam (Edisi Kedua) 2015 yang diterbitkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) adalah sebagai panduan kepada pihak-pihak yang terlibat dalam menyediakan hiburan di negara ini

supaya menepati kehendak Islam, termasuklah penganjur, penonton dan lain-lain. Ia bukan dalam bentuk peraturan dan undang-undang. Dalam garis panduan tersebut telah dinyatakan dengan jelas objektifnya sebagaimana yang berikut:

- (i) memberi panduan kepada pihak yang terlibat dalam aktiviti dan industri hiburan untuk berkarya tanpa melepasi batasan syarak;
- (ii) membantu para penganjur dan pihak penerbit dalam menyusun atur program yang mengandungi aspek hiburan sejajar dengan didikan Islam dengan mengambil kira keperluan masyarakat, bangsa, agama dan negara;
- (iii) membantu pihak berkuasa untuk memastikan penganjuran program hiburan dalam bentuk tontonan terpimpin kepada masyarakat secara umumnya berteraskan akidah, syariah dan nilai-nilai akhlak; dan
- (iv) memupuk kefahaman di kalangan masyarakat awam mengenai bentuk hiburan yang dianjurkan dalam Islam.

Oleh yang demikian, bahawa matlamat garis panduan ini adalah untuk mewujudkan satu bentuk pelaksanaan dan amalan hiburan yang sihat serta tidak bercanggah dengan Islam. Langkah ini sejajar dengan prinsip menjaga agama yang terkandung dalam *maqasid as-syariah* yang menjadi teras dalam pengurusan negara oleh Kerajaan. Justeru, semua pihak yang terlibat dalam industri hiburan sewajarnya mematuhi garis panduan ini

walaupun ia bukan bersifat undang-undang atau peraturan yang boleh dikuatkuasakan. Sehubungan dengan ini, JAKIM akan mengambil pendekatan dalam bentuk memberi nasihat dan pandangan kepada pihak yang bersedia untuk menerima pakai garis panduan ini.

Sekian, terima kasih.